

# Suami malas kerana dimanja isteri

U. M. M/S 14  
29.1.07

**KAUM** lelaki yang sering diuar-uarkan sebagai pewaris kepimpinan negara, kini kelihatan semakin lesu dan tersasar daripada landasan apabila mereka lebih menjuarai segala bentuk gejala negatif.

Sedang anak-anak gadis bersaing mencari tempat di pusat-pusat pengajian tinggi, golongan pemuda pula menunggu untuk menghuni di pusat-pusat pemulihan akhlak dan pusat serenti atau bergelandangan di jalan raya sebagai mat rempit.

Masyarakat hari ini mungkin sudah boleh menerima hakikat bahawa wanita dan lelaki berkongsi kerjaya - wanita sebagai juru doktor, arkitek dan jurutera manakala lelaki sebagai jurusolek, pak andam dan tukang masak - namun apakah perlu kita bertukar peranan sebagai suami dan isteri.

Begitupun itulah senario yang berlaku dalam sesetengah masyarakat kita hari ini. Sindrom suami malas berkerja dan lebih suka duduk rumah sementara itu bertungkus-lumus berkerja bagi menyara keluarga sudah lama wujud dan tidak harus dibiarkan berlarutan.

Wartawan **NORMALA HAMZAH**, **SITI ZALEHA JORIMAI** dan **RA-BIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH** mendapatkan pandangan beberapa tokoh berhubung isu ini.



**DATUK KAMALIA IBRAHIM**

dan dengan siapa.

“Kalau ada masalah anak lelaki, isteri juga yang jadi penyelesaiannya, bukan suami. Alasan suami sibuk, pada hal suami mereka tahu, isteri boleh menangani masalah tersebut tanpa mereka.

“Sudah sampai masanya para suami digerakkan untuk berperanan lebih serius dalam rumah tangga. Isteri pula perlu mengendurkan komitmen mereka terutama dalam soal wang ringgit dan tindakan berkaitan rumah tangga, sebaliknya memberi perangsang kepada suami untuk saling tolong menolong.

“Isteri juga perlu menyokong sekiranya suami tidak setaraf dengannya dengan berkongsi ilmu yang ada untuk sama-sama membina kedudukan yang seiring, bukan bersaing,” ujarnya.

Kamilia juga tidak menolak antara punca perceraian ialah suami tidak bertanggungjawab akibat berada dalam

PARA isteri tidak digalakkan terlalu “memanjakan” suami dengan mengikut semua kehendak mereka termasuk me-

reka berumah tangga. Apabila berkahwin mereka mendapat isteri yang berjawatan tinggi, berdikari dan memberi

ngambil alih tanggungjawab dalam rumah tangga.

Sebaliknya mereka perlu saling lengkap melengkapi untuk sama-sama memikul beban rumah tangga agar masing-masing ada peranan.

Demikian dinyatakan Datuk Kamalia Ibrahim, seorang peguam yang juga Setiausaha Pemadam mengenai senario suami malas bekerja.

"Kita perlu faham, kebanyakan lelaki telah dimanjakan sejak kecil oleh ibu, kakak dan ibu saudara mereka. Malah mereka jarang diberi sebarang tugas untuk dilakukan semasa kecil.

"Sikap ini terbawa-bawa sehingga me-

juwaan tangga, berakrab dan memberi layanan mesra, termasuk mengambil alih tanggungjawab suami," katanya.

Menurut Kamalia, wanita apabila mempunyai kerjaya profesional dan berpendapatan lumayan, mengamalkan sikap tidak mengharapkan lelaki untuk hidup senang.

"Sikap seperti itu akhirnya memakan diri jika tidak dipelihara dengan baik. Seharusnya dalam rumah tangga suami isteri mengamalkan sikap lengkap melengkapi dan saling memotivasi antara satu sama lain tanpa mengira status dan kerjaya," jelasnya.

Tambah Kamalia, ada kala sikap wanita yang terlalu berdikari menjadikan

lelaki 'lepas tangan' kerana berpendapat isteri mampu mengambil alih tanggungjawab mereka. Memang digalakkan suami isteri saling sayang menyayang, membina keharmonian dalam rumah tangga tetapi biarlah bertempat, bukan merosakkan mereka sehingga lupa tanggungjawab," tambahnya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan supaya para isteri mengubah sikap dengan mengajak suami dan memberi galakan kepada mereka untuk sama-sama mengambil peranan dalam rumah tangga secara lebih serius.

Beliau mengambil contoh peranan suami sebagai ketua keluarga, melaksanakan tanggungjawab terhadap rumah tangga dan mengimamkan sembahyang jemaah keluarga.

"Kita perlu mengambil contoh peranan suami pada masa lalu menggunakan kaedah tegas untuk mendisiplinkan anak lelaki tanpa menganak-terikan anak perempuan.

"Tapi hari ini berapa ramai ibu bapa yang mengambil inisiatif untuk menjenguk ke bilik tidur anak mereka dan memastikan anak-anak remaja berada di rumah atau ke mana mereka pergi

tanggungjawab akibat berada dalam keadaan selesa disebabkan isteri berpendapatan lebih daripadanya.


Menyentuh mengenai bidang profesional yang kini mula dimonopoli kaum wanita, Kamalia memberitahu, peratusan peningkatan wanita dalam bidang seperti akauntan, akitek profesional, jurutera, doktor gigi, doktor veterinar, doktor perubatan, juruukur tanah dan Juruukur bahan dan peguam semakin ketara," katanya.

Beliau merujuk kepada bilangan ahli profesional yang berdaftar mengikut jantina 2004-2005 yang menyaksikan peratus penglibatan wanita dalam bidang doktor gigi telah meningkat daripada 54.4 peratus pada 2004 kepada 56.2 pada 2005.

Begitu juga bagi peguam meningkat daripada 44.1 peratus pada 2004 kepada 44.9 peratus pada 2005 sementara akauntan meningkat daripada 41.6 peratus pada 2004 kepada 43.0 peratus pada 2006.

Begitu juga dengan bidang lain seperti akitek profesional, jurutera profesional, doktor veterinar, doktor perubatan, dan juruukur bahan turut menunjukkan peningkatan.

AHLI PROFESIONAL YANG BERDAFTAR MENGIKUT PROFESION DAN JANTINA 2005



Sudah sampai masanya para suami digerakkan untuk berperanan lebih serius dalam rumah tangga. Isteri pula perlu mengendurkan komitmen mereka terutama dalam soal wang ringgit dan tindakan berkaitan rumah tangga, sebaliknya memberi perangsang kepada suami untuk saling tolong menolong.